



**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**  
**LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY**

## **HEBAHAN AWAM**

### **LESEN PERUBAHAN SEMENTARA UNTUK PERAYAAN TAHUN BARU CINA TAHUN 2022**

1. Dalam usaha memastikan perkhidmatan bas ekspres mencukupi, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) membuka permohonan Lesen Perubahan Sementara (LPS) sempena perayaan Tahun Baru Cina yang bakal diraikan pada 1 Februari dan 2 Februari 2022.
2. Permohonan dibuka kepada semua pengendali bas ekspres bermula 10 Januari hingga 23 Januari 2022.
3. Permohonan boleh dikemukakan di semua Pejabat Wilayah dan kaunter APAD di Semenanjung Malaysia.
4. Tempoh sah laku LPS bagi semua permohonan yang diluluskan ialah dari 28 Januari 2022 hingga 6 Februari 2022.
5. Sehubungan itu, pihak APAD mempelawa semua pengendali yang berminat untuk mengambil maklum dan membuat permohonan. Pihak APAD sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik pada setiap masa dan sokongan berterusan semua pihak amatlah diharapkan.

- TAMAT